

UNIT
10


GERHANA



INFO RINGKAS

Gerhana Bulan

- 1 Berlaku apabila Bumi berada di antara Matahari dengan Bulan dalam satu garis lurus.



- 2 Hanya berlaku semasa fasa Bulan purnama.

Gerhana Matahari

- 1 Berlaku apabila Bulan berada di antara Matahari dengan Bumi dalam satu garis lurus.

- 2 Hanya berlaku pada waktu siang dan semasa fasa Bulan baharu.

Hubung kait antara Gerhana dengan Sifat Cahaya

- 1 Cahaya matahari bergerak dalam garis lurus dan tidak dapat menembusi objek legap seperti Bumi dan Bulan.
- 2 Semasa gerhana Bulan berlaku, cahaya matahari yang melalui Bumi akan menghasilkan dua jenis bayang-bayang yang dikenali sebagai umbra dan penumbra.
- 3 Semasa gerhana Matahari berlaku, cahaya matahari yang bergerak melalui Bulan akan menghasilkan dua jenis bayang-bayang yang dikenali sebagai umbra dan penumbra.
- 4 Bayangan umbra adalah lebih kecil dan lebih gelap daripada bayangan penumbra.
- 5 Apabila bayang-bayang Bulan terbentuk di permukaan Bumi, dua jenis gerhana Matahari yang asas akan terjadi.
 - Gerhana Matahari penuh dan gerhana Matahari separa dapat dilihat melalui kawasan lintasan bayangan umbra
 - Hanya gerhana Matahari separa sahaja dapat dilihat melalui kawasan lintasan bayangan penumbra

Keadaan di Bumi Semasa Gerhana

- 1 Semasa fenomena gerhana Matahari:
 - Keadaan sekeliling akan menjadi semakin gelap
 - Suhu sekeliling akan menurun
 - Benda hidup seperti haiwan akan kembali ke sarangnya
- 2 Semasa fenomena gerhana Bulan, kedudukan air laut pasang akan lebih tinggi.